Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Pernyataan yang manakah yang benar tentang bahasa K'un-lun?

I Bahasa pertuturan di Sriwijaya

II Bahasa rasmi kerajaan Sribhoga

III Merujuk kepada bahasa Melayu kuno

IV Merupakan bahasa golongan bangsawan

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV


2

Subkeluarga *X*	Wolio, Layolo, Bonerate
Subkeluarga *Y*	Wotu, Kaili, Kulawi

Padanan yang manakah yang betul bagi *X* dan *Y*?

	X	*Y*
A	Muna Butung	Toraja
B	Halmahera	Tomini
C	Bima-Sumba	Loinan
D	Toraja	Gorontalo

3



Pernyataan yang berikut benar tentang batu bersurat di atas, **kecuali**

A menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ketika itu

B mengandungi kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit

C tulisan yang digunakan berasal dari utara India

D ditulis atas titah raja yang memerintah

8

	Bahasa sumber	*Contoh perkataan yang dipinjam*
I	Arab	Akad, kiblat, hikayat, khuatir
II	Belanda	Rokok, ongkos, falsafah, haiwan
III	Portugis	Baldi, bendera, tuala, tinta
IV	Sanskrit	Dansa, seloka, senapang, korupsi

Padanan yang manakah yang betul antara bahasa sumber dengan kesemua contoh perkataan yang dipinjam daripadanya?

A I dan III

B I dan IV


C II dan III

D II dan IV

9

- Lidah diangkat tinggi.
- Udara dari paru-paru keluar tanpa gangguan.
- Bibir dalam keadaan bundar.
- Pita suara bergetar.

Vokal pada kedudukan yang manakah yang menepati pernyataan di atas?



A I

B II

C III

D IV

10 Perkataan yang manakah yang mempunyai vokal hadapan separuh sempit pada suku kata pertama dan vokal belakang separuh sempit pada suku kata kedua?

A Peram

B Tempuh

C Pinggan

D Bengkok

14 Pasangan perkataan yang manakah yang kedua-duanya mengandungi dua huruf yang mewakili satu bunyi?

A Mesyuarat, memagari

B Pernyataan, berakhlak

C Pergunungan, menaikkan

D Berfikiran, pembangunan


15

I	• Udara dilepaskan dengan serta-merta. • Pita suara bergetar.
II	• Udara dilepaskan dengan perlahan-lahan. • Pita suara tidak bergetar.

Padanan yang manakah yang betul bagi contoh perkataan yang mengandungi konsonan seperti dalam pernyataan I dan pernyataan II di atas?

	I	II
A	Kaki	Caci
B	Pipit	Jinjit
C	Bubur	Cucur
D	Dadah	Jajah

16



Perkataan yang manakah yang mengandungi konsonan sengauan yang bertanda *X*?

A Pelenyapan

B Penternakan

C Pemansuhan

D Penerbangan

17 Kumpulan perkataan yang manakah yang kesemuanya mengandungi diftong?

A Konvoi, landai, jauh

B Koboi, mutiara, taucu

C Misai, stadium, tauliah

D Maujud, ngongoi, zaitun

18

Kecemerlangan

Transkripsi fonetik yang manakah yang betul bagi perkataan di atas?

A [kəčəmerlaŋan]

B [kəčemərlaŋan]

C [kəčəmərlaŋan]

D [kəčəmərlaŋan]

19

I	KVK+KV+KVK
II	KV+KVK+KVK

Perkataan yang manakah yang susunan pola suku katanya menepati I dan II?

	I	II
A	Mengkuang	Tenggelam
B	Menteri	Gerangan
C	Tentangan	Melambung
D	Berlanggan	Gelongsor

20 Ayat yang manakah yang **tidak** memerlukan penggunaan tanda koma?

I Anaknya yang sulung dilahirkan pada tahun 1957 di Seremban Negeri Sembilan.

II Hanya setelah berbincang dengan ketua jabatannya barulah dia mahu menerima jawatan yang ditawarkan itu.

III Pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang akan menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.

IV Kebanyakan alat elektrik dan gajet elektronik yang canggih pada masa ini dibekalkan dengan bateri yang tahan lebih lama berbanding dengan yang dahulu.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Kerajaan meletakkan hasrat yang tinggi untuk memastikan setiap murid menjadi insan yang gemilang, iaitu berpengetahuan, berkemahiran, berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif, serta memiliki sahsiah yang mengangkat identiti nasional melalui sistem pendidikan negara ini. Hal ini selari dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk memberikan pendidikan yang seimbang kepada semua murid di negara ini. Oleh hal yang demikian, guru menggalas tanggungjawab yang besar dalam menyempurnakan keberhasilan murid.

Pada hari ini, akhlak murid merupakan salah satu aspek penting dalam membina generasi muda yang bakal menerajui negara. Sehubungan dengan itu, guru perlu memainkan peranan dalam memupuk budi pekerti dan nilai murni sejagat. Apabila negara mempunyai modal insan yang berakhlak, negara mampu mendepani pelbagai cabaran dan perubahan. Perubahan zaman turut menuntut perubahan peranan guru dalam penyampaian kandungan pengajaran dalam bilik darjah. Guru turut dituntut agar menjadi kreatif dan inovatif dalam pembangunan ilmu yang seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan masa depan. Bagi melahirkan generasi muda yang cemerlang dalam persekitaran yang kompetitif secara global, guru perlu membudayakan inovasi yang menjadi agenda dalam gelombang transformasi pendidikan. Jelaslah bahawa guru perlu mengupayakan diri dengan ilmu dan pengalaman agar dapat membangunkan potensi insan melalui penyerapan elemen kerohanian dan kurikulum, menyediakan kepelbagaian bahan rangsangan bagi mengoptimumkan potensi murid, dan menyediakan pelan pembangunan individu yang menyeluruh dan bersepadu bagi menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia.

Guru ibarat lilin yang memberikan cahaya kepada orang lain. Peranan mereka tidak mengira tempat dan masa. Ada yang terpaksa meninggalkan kampung halaman dan keluarga. Sesetengah daripada mereka ditugaskan untuk berkhidmat di kawasan pedalaman. Ada pula guru yang terpaksa merentas gunung dan menyusur sungai untuk sampai ke sekolah. Ada juga yang terputus hubungan kerana jarak yang memisahkan mereka dengan dunia komunikasi. Kebanyakan guru sanggup mengorbankan masa mereka untuk mendidik anak bangsa. Segala cabaran yang dihadapi ini diketepikan demi melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan. Sesungguhnya, jasa yang ditaburkan oleh guru tidak ternilai harganya.

(Disesuaikan daripada Melunaskan Tanggungjawab yang Diamanahkan oleh Suraya Shamsuddin, *Dewan Masyarakat*, bil. 05/2015)

21 Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan maksud frasa yang berikut:

(*a*) *...membangunkan potensi insan...* (baris 18) [1]

(*b*) *...ibarat lilin yang memberikan cahaya kepada orang lain.* (baris 23) [1]

22 Nyatakan **empat** peranan guru dalam menyempurnakan keberhasilan murid. [4]

23 Nyatakan **empat** cabaran yang dihadapi oleh sesetengah guru dalam melaksanakan peranan mereka. [4]

24

> "Kerajaan meletakkan hasrat yang tinggi untuk memastikan setiap murid menjadi insan yang gemilang..."
>
> (baris 1 hingga 2)

Pada pendapat anda, apakah kriteria yang perlu ada dalam diri pelajar untuk menjadi insan yang gemilang? Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

25 Ibu bapa merupakan insan yang banyak berkorban untuk kita. Namun demikian, akhir-akhir ini, terdapat ibu bapa yang diabaikan oleh anak-anak. Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku?

26 Pencemaran udara merupakan masalah global yang telah membawa banyak kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar. Huraikan kesan negatif tersebut.

27 Perniagaan dalam talian (*online business*) atau dikenali juga sebagai *e*-dagang kini semakin berkembang di negara ini. Jelaskan kebaikan perniagaan tersebut.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta